



Majlis Pelancaran ROAD TO RAMADHAN



www.masjidwilayah.gov.my



[masjidwilayahpersekutuan](#)

Sidang REDAKSI


PENAUNG

Y.Bhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
Pengarah
Jabatan Agama Islam
Wilayah Persekutuan

PENASIHAT

Haji Muhyidin bin Aziz@Saari
Imam Besar
Masjid Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

KETUA PENGARANG

Ustaz Tuan Asmawi bin
Tuan Umar

PENGARANG

Ustaz Mohd Zamri bin
Abdul Halim
Ustaz Jamal Zaidi bin Ismail
Ustaz Dr. Khalid bin Isa
Ustaz Zulkefli bin Salleh
Ustaz Zakaria bin Yahya
Ustazah Rozilawati binti Omar
Ustaz Mohd Eshwal bin Salman

REKABENTUK DAN GRAFIK

Ustaz Khuzaian bin Zakaria
Encik Eddy Ezrul bin Abdul
Majid

JURUFOTO

Ustaz Khuzaian bin Zakaria
Encik Eddy Ezrul bin Abdul
Majid

EDARAN

Encik Nizan Shah Samsuri
Encik Abdullah bin Abdul Jalil
Encik Mohd Shadzri bin
Kamaruzaman

Dari Meja IMAM BESAR



Assalamualaikum w.b.t,


Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat meneruskan penerbitan Buletin MWPKL Bil 1.2021 bagi tahun ini.

Dipanjatkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana Masjid Wilayah Persekutuan masih diberi peluang untuk merancang dan melaksanakan program-program ibadah, aktiviti kelas, seminar, pengajian dan lain-lain tugas yang diamanahkan. Pihak masjid juga bersyukur terhadap sambutan dari jemaah dan masyarakat terhadap program dan aktiviti yang dianjurkan.

Buletin pada edisi ini melaporkan sebahagian program dan aktiviti yang telah diadakan sepanjang bulan Januari hingga Mac 2021 dan juga informasi terkini berkaitan MWPKL. Setiap program yang dilaksanakan dan kejayaan yang dicapai adalah hasil usaha dan komitmen warga MWPKL dan juga kerjasama agensi-agensi luar. Semoga kerjasama ini akan berterusan bagi mengimarahkan masjid ini.

Akhir kata semoga sumbangan yang telah disumbangkan oleh masyarakat ke masjid ini akan memperoleh ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah S.W.T

Sekian, Wassalam w.b.t



رمضان كريم



Firman Allah SWT:

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu, agar kamu bertakwa".

Al-Baqarah 2: 183



Kedatangan bulan Ramadhan merupakan hadiah dan nikmat yang terbesar bagi seluruh umat Islam. Bulan yang mulia ini Allah SWT menyediakan pelbagai tawaran hebat kepada hamba-hamba-Nya yang beriman seperti keampunan, rahmat dan pembebasan daripada api neraka. Rentetan itu, Ramadhan adalah medan ibadah untuk kita berlumba-lumba mengejar pahala semaksima mungkin kerana segala amal soleh yang dilakukan akan dilipat gandakan ganjarannya oleh Allah SWT.

Walaupun begitu, ganjaran pahala boleh terhapus jika kita tidak meninggalkan amalan-amalan mazmumah seperti mengumpat, memfitnah, mencarut atau membicarakan tentang perkara-perkara yang sia-sia. Harus diingat! Puasa yang sempurna bukannya sekadar mulut tidak makan dan minum bahkan perlu juga anggota badan yang lain berpuasa seperti mata, telinga, tangan, kakinya iaitu menahan daripada melakukan maksiat kepada Allah SWT.

Oleh itu, marilah kita mentarbiah diri untuk mengelakkan daripada melakukan perbuatan-perbuatan keji agar ibadah yang kita lakukan diterima oleh Allah SWT, InsyaAllah.

*Selamat Menunaikan Ibadah Puasa
Salam Ramadhan 1442H/2021M*



WILAYAH PERSEKUTUAN Bermunajat

30.1.2021



WILAYAH Persekutuan Bermunajat sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan telah diadakan di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selepas solat maghrib bertempat di Dewan Solat Utama.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh YB Senator Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan YB Tan Sri TPr Anuar Hj. Musa, Menteri Wilayah Persekutuan. Bacaan Yasin dan Zikir Munajat pada majlis tersebut telah dibimbing oleh Tuan Haji Muhyidin Bin Aziz, Imam Besar MWPKL dan disiarkan secara langsung melalui Facebook rasmi JAWI dan MWPKL.

FORUM SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2021

Sambutan
Hari Wilayah
Persekutuan
2021 | 1.2.2021

JABATAN Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah mengadakan Forum Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021 bertempat di Dewan Solat Utama Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara langsung melalui FB dan YouTube rasmi JAWI. Tiga orang personaliti telah dijemput bagi menjayakan forum yang bertajuk 'Kota Bercahaya' iaitu Us.Haji Mohd Amri bin Abdullah sebagai moderator dan dua ahli panel iaitu Ybhg Datuk Dr. Haji Zahazan bin Mohamed dan Ybhg Prof Madya Dr. Sharifah Hayati binti Syed Ismail. Ybhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI yang diringi oleh Yg.brs Tuan Haji Muhyidin bin Aziz, Imam Besar MWPKL turut hadir semasa forum tersebut berlangsung.



Sumbangan BAIT AL-RIZQ

19.2.2021

SERAMAI 33 keluarga ibu tunggal di sekitar Flat Fasa 8 & 9 Bandar Baru Sentul telah menerima bantuan berbentuk barang keperluan asas daripada Bait Al-Rizq Masjid Wilayah Persekutuan. Sumbangan telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Turut hadir dalam majlis penyerahan sumbangan ini adalah YBrs. Tuan Haji Muhyidin bin Aziz @ Saari, Imam Besar MWP dan YBhg. Datuk Haji Abdul Razak, Pengerusi KRT Bandar Baru Sentul Fasa 8 & 9. Jumlah sumbangan yang diberikan adalah bernilai RM100 bagi setiap keluarga. Penyampaian sumbangan ini merupakan salah satu aktiviti dibawah Mosque Care Programme dalam Pelan Pengimaranan Masjid Wilayah Persekutuan.

Semoga usaha ini dapat menanamkan sikap prihatin dan menyemaikan rasa kasih sayang dalam kalangan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa.



BANTUAN 100 Keluarga ahli PROFIMA dari BAIT AL-RIZQ

26.2.2021

SERAMAI 100 keluarga ahli PROFIMA turut mendapat perhatian daripada Bait Al-Rizq MWP, JAWI. Setiap keluarga telah menerima bantuan berbentuk barang keperluan asas bernilai RM100 bagi setiap keluarga. Sumbangan telah disampaikan oleh YBhg. Tuan Haji Muhyidin bin Aziz @ Saari, Imam Besar Masjid Wilayah Persekutuan. Turut hadir dalam majlis penyerahan sumbangan ini adalah YBhg. Datuk Noor Sheena Mohd Maideen, Pengerusi MyCar yang merupakan penyumbang utama bersama dengan MWP. Penyampaian sumbangan ini merupakan salah satu aktiviti dibawah Mosque Care Programme dalam Pelan Pengimaranan Masjid Wilayah Persekutuan.

Semoga usaha ini dapat menanamkan sikap prihatin dan menyemaikan rasa kasih sayang dalam kalangan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa.

TAZKIRAH JUMAAT

OLEH PENGURUSI MAJLIS AGAMA
ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

5.3.2021

BHG Datuk Dr. Mohd Daud Bakar, Pengurus Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah hadir menunaikan solat Jumaat di Masjid Wilayah Persekutuan dan beliau turut menyampaikan tazkirah ringkas sebelum masuk waktu solat Jumaat di dewan solat utama. Seramai 3,774 orang telah hadir untuk menunaikan solat Jumaat dengan pematuhan SOP seperti yang ditetapkan. Khutbah bertajuk "Nikmat Teragung" telah disampaikan oleh Khatib dan Imam bertugas Yg.brs Ustaz Mohd Zamri bin Abdul Halim manakala azan telah dilaungkan oleh Yg.brs Ustaz Jeffri bin Bujang. Solat Jumaat pada hari ini turut disiarkan secara langsung di TV1 RTM.






Ceramah Khas SAMBUTAN ISRA' MIKRAJ

10.3.2021

CERAMAH khas sempena sambutan Isra' Mikraj anjuran Masjid Wilayah Persekutuan telah diadakan di dewan solat utama selepas solat Maghrib. Ceramah telah disampaikan oleh penceramah jemputan Dr. Mohd Arip Kasmo. Y.Brs Tuan Haji Muhyidin bin Aziz, Imam Besar MWPKL turut hadir pada program tersebut. Ceramah tersebut juga telah disiarkan secara langsung di FB Masjid Wilayah Persekutuan.



11.3.2021

PELAJAR PICOMS TURUT MENDAPAT PERHATIAN DAPUR IT'AM 3.0 MWP, JAWI



Seramai 115 orang pelajar PICOM yang tidak ber kemampuan telah mendapat perhatian daripada Dapur It'am MWP, JAWI melalui sumbangan pek makanan "tengah hari percuma bermula pada 08 hingga 14 Mac 2021. Majlis penyerahan pek makanan tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Tuan Haji Muhyidin bin Aziz @ Saari, Imam Besar MWP turut hadir bersama Prof. Dr. Mohd



Nazil bin Salleh, Timbalan Naib Canselor (Akademik). Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti dibawah Program Dapur It'am 3.0 dalam Pelan Pengimaranan Masjid Wilayah Persekutuan. Semoga usaha ini dapat menanamkan sikap prihatin dan menyemaikan rasa kasih sayang dalam kalangan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa.

Majlis Pelancaran 'ROAD TO RAMADHAN' 1442H/2021M

12.3.2021

MAJLIS Pelancaran "Road To Ramadhan" Peringkat Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan 1442H / 2021M telah diadakan di Dewan Solat Utama MWPKL sebelum masuk waktu solat Jumaat. Majlis telah disempurnakan dengan ucapan perasmian dan gimmick pelancaran oleh Ybhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail,



Pengarah JAWI dirangi oleh Yg.brs Tuan Haji Muhyidin bin Aziz, Imam Besar MWPKL. Majlis diakhiri dengan bacaan selawat oleh YBrs. Us. Jeffri bin Bujang. Jumlah kehadiran jemaah bagi solat Jumaat yang dicatatkan adalah seramai 3,374 orang.

INFAQ RAMADHAN 1442H/2021M

MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN

Sumbangan ke Akaun BIMB
MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN
14023010023833

Sila hubungi urusetia:
013-9237006 Ustaz Zamri
014-8044441 Ustaz Zakaria

MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN

- IFTAR RAMADHAN
500 ORANG/HARI
- LIGHT MEAL FOR IFTAR
5000 PACK/KURMA DAN AIR MINERAL
- BOX OF RAMADHAN
1000 PACK/BARANG KEPERLUAN ASAS
- SUMBANGAN HARI RAYA ANAK YATIM, ASNAF 500 ORANG
- MAJLIS ILMU TAZKIRAH
- PENYEDIAAN BUBUR LAMBUK
- MAJLIS TADARUS & KHATAM AL-QURAN
- IMBUHAN PEMBIMBING IBADAH, SUKARELAWAN DAN PETUGAS

Kerjasama MWPKL bersama MyCar

17.3.2021



MASJID Wilayah Persekutuan bersama MyCar telah bekerjasama menyantuni 300 orang Pemandu E-Hailing dan Teksi di sekitar Kuala Lumpur pada Majlis Serahan Sumbangan di Dewan Serbaguna Masjid Wilayah Persekutuan. Penerima juga terdiri dari pelbagai bangsa dan agama serta status. Majlis sumbangan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail selaku Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Turut hadir bersama Datuk Nur Sheena binti Maideen Pengerusi Eksekutif MyCar dan Encik Mohd Noah bin Maideen, Ketua Pegawai Eksekutif MyCar.

Pada sesi petang pula telah disampaikan sumbangan kepada pemandu E-Hailing dan Teksi secara drive-thru di Anjung B, Masjid

Wilayah Persekutuan. Sumbangan ini telah disampaikan bersama Datuk Nur Sheena binti Maideen Pengerusi Eksekutif MyCar dan Tuan Haji Muhyidin bin Aziz@Saari Imam Besar Masjid Wilayah Persekutuan kepada 50 orang penerima.

Barangan bantuan yang disumbangkan adalah berbentuk barang keperluan asas dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan sebanyak RM40,000.00. Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti di bawah Mosque Care Programme dalam Pelan Pengimaran Masjid Wilayah Persekutuan. Semoga kolaborasi ini dapat menanamkan sikap prihatin dan menyemaikan rasa kasih sayang dalam kalangan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa.



Pelancaran Penubuhan

MWP CYCLING CLUB

31.3.2021

MASJID Wilayah Persekutuan telah melancarkan penubuhan MWP Cycling Club dengan mengadakan aktiviti kayuhan sejauh 15 km bermula di Anjung A MWPKL menuju ke Sri Hartamas dan tamat di Anjung B MWPKL. Setelah tamat aktiviti kayuhan majlis diteruskan dengan pelancaran logo MWPCC menandakan penubuhan MWPCC secara rasmi oleh YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI.





WAKTU IMSAK DAN BERBUKA PUASA BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

1442H 2021M

Tarikh Miladi	Tarikh Hijri	Hari	Imsak	Subuh	Syuruk	Zohor	Asar	Maghrib	Isyak
13-Apr-2021	01-Ram-1442	Selasa	5:50 am	6:00 am	7:08 am	1:17 pm	4:26 pm	7:22 pm	8:31 pm
14-Apr-2021	02-Ram-1442	Rabu	5:50 am	6:00 am	7:07 am	1:17 pm	4:27 pm	7:21 pm	8:31 pm
15-Apr-2021	03-Ram-1442	Khamis	5:49 am	5:59 am	7:07 am	1:16 pm	4:27 pm	7:21 pm	8:31 pm
16-Apr-2021	04-Ram-1442	Jumaat	5:49 am	5:59 am	7:07 am	1:16 pm	4:27 pm	7:21 pm	8:31 pm
17-Apr-2021	05-Ram-1442	Sabtu	5:48 am	5:58 am	7:06 am	1:16 pm	4:28 pm	7:21 pm	8:31 pm
18-Apr-2021	06-Ram-1442	Ahad	5:48 am	5:58 am	7:06 am	1:16 pm	4:28 pm	7:21 pm	8:31 pm
19-Apr-2021	07-Ram-1442	Isnin	5:48 am	5:58 am	7:06 am	1:15 pm	4:28 pm	7:21 pm	8:31 pm
20-Apr-2021	08-Ram-1442	Selasa	5:47 am	5:57 am	7:05 am	1:15 pm	4:28 pm	7:21 pm	8:31 pm
21-Apr-2021	09-Ram-1442	Rabu	5:47 am	5:57 am	7:05 am	1:15 pm	4:29 pm	7:21 pm	8:31 pm
22-Apr-2021	10-Ram-1442	Khamis	5:46 am	5:56 am	7:05 am	1:15 pm	4:29 pm	7:20 pm	8:31 pm
23-Apr-2021	11-Ram-1442	Jumaat	5:46 am	5:56 am	7:05 am	1:15 pm	4:29 pm	7:20 pm	8:31 pm
24-Apr-2021	12-Ram-1442	Sabtu	5:46 am	5:56 am	7:04 am	1:14 pm	4:29 pm	7:20 pm	8:31 pm
25-Apr-2021	13-Ram-1442	Ahad	5:45 am	5:55 am	7:04 am	1:14 pm	4:30 pm	7:20 pm	8:31 pm
26-Apr-2021	14-Ram-1442	Isnin	5:45 am	5:55 am	7:04 am	1:14 pm	4:30 pm	7:20 pm	8:31 pm
27-Apr-2021	15-Ram-1442	Selasa	5:45 am	5:55 am	7:04 am	1:14 pm	4:30 pm	7:20 pm	8:31 pm
28-Apr-2021	16-Ram-1442	Rabu	5:44 am	5:54 am	7:03 am	1:14 pm	4:31 pm	7:20 pm	8:31 pm
29-Apr-2021	17-Ram-1442	Khamis	5:44 am	5:54 am	7:03 am	1:14 pm	4:31 pm	7:20 pm	8:31 pm
30-Apr-2021	18-Ram-1442	Jumaat	5:44 am	5:54 am	7:03 am	1:14 pm	4:31 pm	7:20 pm	8:31 pm
01-May-2021	19-Ram-1442	Sabtu	5:43 am	5:53 am	7:03 am	1:13 pm	4:31 pm	7:20 pm	8:32 pm
02-May-2021	20-Ram-1442	Ahad	5:43 am	5:53 am	7:02 am	1:13 pm	4:31 pm	7:20 pm	8:32 pm
03-May-2021	21-Ram-1442	Isnin	5:43 am	5:53 am	7:02 am	1:13 pm	4:32 pm	7:20 pm	8:32 pm
04-May-2021	22-Ram-1442	Selasa	5:43 am	5:53 am	7:02 am	1:13 pm	4:32 pm	7:20 pm	8:32 pm
05-May-2021	23-Ram-1442	Rabu	5:42 am	5:52 am	7:02 am	1:13 pm	4:32 pm	7:20 pm	8:32 pm
06-May-2021	24-Ram-1442	Khamis	5:42 am	5:52 am	7:02 am	1:13 pm	4:32 pm	7:20 pm	8:32 pm
07-May-2021	25-Ram-1442	Jumaat	5:42 am	5:52 am	7:02 am	1:13 pm	4:33 pm	7:20 pm	8:32 pm
08-May-2021	26-Ram-1442	Sabtu	5:42 am	5:52 am	7:02 am	1:13 pm	4:33 pm	7:20 pm	8:32 pm
09-May-2021	27-Ram-1442	Ahad	5:41 am	5:51 am	7:01 am	1:13 pm	4:33 pm	7:20 pm	8:32 pm
10-May-2021	28-Ram-1442	Isnin	5:41 am	5:51 am	7:01 am	1:13 pm	4:33 pm	7:20 pm	8:33 pm
11-May-2021	29-Ram-1442	Selasa	5:41 am	5:51 am	7:01 am	1:13 pm	4:34 pm	7:20 pm	8:33 pm
12-May-2021	30-Ram-1442	Rabu	5:41 am	5:51 am	7:01 am	1:13 pm	4:34 pm	7:20 pm	8:33 pm

KADAR SEWA FASILITI DI MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



RM3,000

DEWAN SERBAGUNA
Muatan : 1200 orang



RM1,500

DEWAN JAMUAN MUSLIMIN
Muatan : 500 orang



RM1,100

DEWAN JAMUAN MUSLIMAT
Muatan : 200 orang



RM500

DEWAN SEMINAR
Muatan : 50 orang

*WAKTU PENYEWAAN DEWAN-DEWAN BERMULA JAM 8.00 PG HINGGA 5.00 PTG
*KADAR SEWA TERMASUK KERUSI DAN MEJA
*DEWAN SERBAGUNA TIDAK DIBENARKAN DISEWA UNTUK MAJLIS JAMUAN



**RM120
semalam**

BILIK PENGINAPAN
Katil queen



**RM60
semalam**

ASRAMA
2 buah katil single sebilik